

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 4 NOVEMBER 2014**  
**DARIPADA : TUAN M. KULASEGARAN**  
**[ IPOH BARAT ]**  
**SOALAN :**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan atau dana yang telah diberikan oleh Kerajaan bagi kuil-kuil, tempat-tempat ibadat bagi orang Islam dan bukan Islam dan badan bukan Kerajaan dari tahun 2010 sehingga tahun 2014.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh 2010 hingga 2014, Kerajaan telah menyalurkan peruntukan khas dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM639.97 juta bagi membiayai 4,987 buah projek/program bagi kuil, tempat-tempat ibadat orang Islam dan bukan Islam serta badan bukan Kerajaan.

Penyaluran peruntukan khas ini adalah diselaraskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan/Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri mengikut peraturan dan garis panduan semasa yang berkaitan.

Sekian. Terima Kasih